



RUMAH PPR di ibu kota mempunyai tunggakan sewa yang tinggi.

Bagi alasan tidak ada pekerjaan

Tunggakan sewa di PPR ibu kota cecah jumlah RM58 juta

Oleh Khairul Najib
Asarulhan Khan
khairul.najib@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Tidak mempunyai pekerjaan. Itu antara alasan penyewa unit Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) di ibu negara hingga jumlah tunggakan sewa mencecah RM58 juta.

Menteri Wilayah Persekutuan Khalid Abdul Samad berkata, tempoh tunggakan sewa sejak sekian lama itu mengakibatkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengalami kerugian.

Katanya, alasan tidak mempunyai pekerjaan antara faktor mereka tidak membayar sewa perumahan itu.

"Dengan itu, kita mencari jalan dengan mewujudkan program Karnival Kerjaya di kawasan PPR dan PA dengan kerjasama Jobs Malaysia.

"Ini adalah antara langkah yang diambil Pakatan Harapan (PH) untuk menyelesaikan masalah sekian lama itu," katanya ketika ditemui selepas merasmikan Program Inisiatif Wilayah Peduli di PPR Desa Rejang, di sini, semalam.

Tempoh tunggakan sewa sejak sekian lama mengakibatkan DBKL rugi

Dua anggota polis ditempatkan di PPR

Kuala Lumpur: Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan menempatkan dua anggota di 38 Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang mempunyai indeks jenayah tinggi dalam masa terdekat.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Seri Mazlan Lazim berkata, program dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam usaha menangani kes jenayah.

"Ia memberi tumpuan kepada kawasan panas membabitkan PPR di ibu negara, selain secara tidak langsung memudahkan polis mencegah jenayah dengan lebih pantas.

"Menerusi program ini, dua anggota polis akan mendiami unit PPR terbabit dengan kadar sewaan ditetapkan dan fasa pertama membabitkan 27 PPR," katanya ditemui selepas program Inisiatif Wilayah Peduli di PPR Desa Rejang, di sini, semalam.

Antara kediaman terbabit ialah PPR Seri Selangor, PPR Seri Alam, PPR Seri Sabah

PPR Bukit Jalil, PPR Desa Tun Razak, PPR Seri Pantai, PPR Pantar Ria, PPR Gombak Setia, PPR Seri Semarak, PPR Desa Rejang, PPR Air Panas, PPR Wahyu, PPR Beringin, PPR Intan Balduri dan PPR Kampung Batu Muda.

Hadir sama, Menteri Wilayah Persekutuan Khalid Abdul Samad, Ketua Pengarah Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Datuk Seri Zulkifli Abdullah, Timbalan Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Roslan Bek Ahmad dan Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Nor Hisham A Dahlan.

Mengulas lanjut, Mazlan berkata, kegiatan jenayah yang sering berlaku di PPR berkaitan kecurian, kekerasan dan penagihan dadah.

"Sebanyak 492 kes jenayah direkodkan di PPR di ibu negara dari Januari tahun ini hingga Khamis lalu.

"Kami harap dengan adanya anggota polis mendiami kawasan itu mengurangkan kes jenayah itu," katanya.

Hadir sama, Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk Seri Mazlan Lazim, Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK)

Datuk Seri Zulkifli Abdullah, Timbalan Ketua Polis Kuala Lumpur Datuk

Roslan Bek Ahmad dan Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Nor Hisham A Dahlan.

Mengulas lanjut, Khalid berkata, pihaknya tidak mahu menggunakan pendekatan *shock treatment* atau tindakan kepada penyewa terbabit sebaliknya cuba menyelesaikan masalah itu terlebih dulu.

"Kita beri tempoh tiga atau enam bulan untuk penduduk membayar sewa rumah (tetapi) jika gagal kita akan fikirkan kaedah lain.

"Selain itu, Program 1Graduan 1Rumah digalakkan disertai belia B40 bagi lepasan Sijil Pelajaran Malaysia yang gagal menyambung pendidikan ke peringkat lebih tinggi," katanya.